



B A B : I I

F a s a l P e r t a m a

1. MENGHADIRKAN YANG DIDAKWA KE MAHKAMAH SEKIRANYA IA BERADA DI DALAM BIDANGKUASA HAKIM

1.1 Sebelum seseorang Hakim menjalankan perbicaraan, mendengar segala dakwaan dan keterangan dari pihak pendakwa atau mendengar pengakuan atau penafian dari pihak yang didakwa, Hakim hendaklah memanggil pihak yang didakwa terlebih dahulu untuk hadir ke Mahkamah pada hari perbicaraan.

Hakim akan memulakan perbicaraan apabila pihak yang didakwa hadir ke Mahkamah pada tarikh dan waktu yang ditetapkan. Sebaliknya jika pihak yang didakwa gagal menghadirkan diri, maka pihak pendakwa boleh meminta kepada Hakim supaya memaksa pihak yang didakwa hadir ke Mahkamah.¹

1.2 Al-Faqih al-Samnāni² telah menganjurkan satu kaedah kepada Hakim bagaimana cara untuk menghadirkan pihak yang didakwa ke Mahkamah. Beliau berkata;

"Hakim akan memanggil pihak yang didakwa dengan cara yang lembut serta menggunakan bahasa yang paling baik, oleh kerana Hakim mengajak pihak yang didakwa itu kepada hukum Allah dan agamanya"

Hakim juga boleh menggunakan prosedur yang lain untuk menghadirkan pihak yang didakwa ke Mahkamah, iaitu menghantar beberapa orang pembantunya untuk memanggil pihak yang didakwa hadir ke Mahkamah.³

Selain daripada itu juga, pihak pendakwa sendiri boleh menghantar surat arahan yang dimeteri oleh Hakim untuk diserahkan kepada pihak yang didakwa supaya hadir ke Mahkamah.

Sebaliknya jika kedua-dua cara tersebut tidak memberikan kesan, Hakim boleh menghantar salah seorang dari pembantunya bersama-sama dengan pihak pendakwa untuk menyerahkan surat arahan yang dimeterai oleh Hakim kepada pihak yang didakwa.⁴

1.3 Apabila kedua-dua cara tersebut atau salah satunya telah disempurnakan, pihak yang didakwa berkewajipan untuk hadir atau menghantar wakilnya ke Mahkamah pada hari perbicaraan. Firman Allah s.w.t.⁵ yang bermaksud;

"Sesungguhnya jawapan orang-orang Mukmin, bila mereka dipanggil kepada Allah dan RasulNya agar Rasul menghukum (mengadili) di antara mereka ialah ucapan 'kami mendengar dan kami patuh'"

Sekiranya pihak yang didakwa ingin menyerahkan hak yang dituntut itu kepada pihak pendakwa, maka pihak pendakwa berkewajipan memberitahu kepada Hakim tentang kompromi atau tolak ansur di antara mereka.⁶

1.4 Menurut prosedur yang dijalankan oleh Mahkamah Sivil, proses memaksa kehadiran ialah melalui saman yang dikeluarkan oleh Mahkamah. Saman itu hendaklah ditulis dan ditandatangani sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Akta Mahkamah Keadilan 1964 atau Akta Mahkamah Rendah 1948 dan saman itu hendaklah mempunyai meterai Mahkamah.⁷ Saman itu biasanya disampaikan oleh

pegawai polis tetapi jika difikirkan patut oleh Mahkamah yang mengeluarkan saman itu, bolehlah ia menyuruh mana-mana orang lain menjalankannya.⁸

1.5 Saman itu jika boleh hendaklah diserahkan kepada orang yang disaman (yang didakwa) iaitu dengan menunjukkan saman asal kepada orang yang disaman dan menawarkan atau menyerahkan kepadanya satu salinan saman yang ditulis dengan meterai Mahkamah.⁹

Setiap orang yang menerima saman (pihak yang didakwa) jika dikehendaki oleh pegawai yang menyampaikan saman itu hendaklah menandatangani dibelakang saman asal untuk mengesahkan bahawa ia telah menerimanya.¹⁰

1.6 Jika orang yang disaman itu tidak dijumpai apabila telah berusaha mencarinya, maka saman itu bolehlah disampaikan dengan meninggalkan salinannya itu pada mana-mana orang dewasa, ahli keluarganya atau kepada orang gajinya yang tinggal bersama-samanya atau pegawai yang menjalankan itu menampalkan salinan saman itu di mana-mana

bahagian rumah itu yang dapat dilihat atau di mana mana tempat lain di mana orang yang di saman itu biasanya tinggal dan dalam keadaan itu, jika itu mengarahkan sedemikian, baik sebelum ataupun sesudah ditampalkan, maka saman itu disifatkan sebagai telah di sampaikan dengan sahnyal¹¹

Ringkasnya, dapatlah penulis simpulkan bahawa prosedur memaksa kehadiran pihak yang didakwa ke Mahkamah dalam sistem kehakiman Islam adalah sama dengan prosedur yang dipakai oleh Mahkamah Sivil. Walau bagaimana pun terdapat sedikit perbezaan dari segi perlaksanaannya. Prosedur yang dipakai oleh sistem kehakiman Islam mempunyai peringkat-peringkat tertentu iaitu dimulai dengan cara yang lemah lembut sehinggalah kepada cara yang lebih keras (pemaksaan).

Begitu juga dengan cara penyampaian surat arahan atau saman yang mana Hakim boleh mengarahkan pihak pendakwa sendiri menyerahkannya kepada pihak yang didakwa, sebaliknya menurut prosedur yang dipakai di Mahkamah Sivil, saman hanya boleh disampaikan oleh mana-mana pegawai polis atau

orang-orang yang tertentu sahaja yang telah dilantik oleh pihak Mahkamah.

1.7 Jika pihak yang didakwa tetap enggan untuk menghadirkan diri ke Mahkamah serta enggan menyerahkan hak yang dituntut itu kepada pihak pendakwa meskipun surat arahan atau saman telah disampaikan kepadanya. Oleh itu Hakim boleh mengeluarkan waran tangkap untuk menghadirkan pihak yang didakwa secara paksa dengan meminta kerjasama pihak polis.

Secara umumnya bolehlah dikatakan bahawa waran tangkap ialah satu surat perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah untuk menangkap seseorang yang tertuduh demi untuk memaksanya hadir ke Mahkamah.

Menurut Dr. Mu^cawwadh^c Abdul Tawwab¹² dalam bukunya 'al-Habsu wal Ihtiāṭiy' mendefinisikan waran tangkap iaitu;

"Satu surat perintah yang dikeluarkan oleh mana-mana pegawai yang mempunyai kuasa Am (Hakim) untuk menangkap tertuduh dengan menghadirkannya ke hadapan Mahkamah secara paksa"

Surat perintah ini juga merupakan satu perkara yang harus dilaksanakan dengan menggunakan sebarang kekuatan atau kekerasan apabila keadaan memerlukannya.

1.8 Menurut beliau lagi, waran tangkap adalah berbeza dengan saman dan perintah tahan. Perintah tahan adalah merujuk kepada suatu keadaan yang membawa kepada penahanan tertuduh dalam penjara untuk suatu jangka masa yang tertentu. Sedangkan waran tangkap pula merujuk kepada pemaksaan orang yang dicurigai supaya hadir ke Mahkamah sekali pun dengan menggunakan kekuatan. Manakala saman pula di arahkan kepada pihak tertuduh untuk hadir ke Mahkamah tidak secara paksa.

1.9 Pada asasnya, waran tangkap dan saman tidak berbeza kerana kedua-duanya bertujuan untuk menampilkan orang yang tertuduh ke Mahkamah. Cuma perbezaan dalam waran tangkap ianya melibatkan kerjasama dari pihak polis, sebaliknya saman tidak sedemikian, cukup sek. dar dengan notis sahaja.

Seterusnya, Dr. Mu^cawwadh menegaskan waran tangkap boleh dikeluarkan oleh Mahkamah apabila:-

i. Apabila orang yang dituduh itu merupakan orang yang hendak ditahan untuk pemeriksaan lanjut,

ii. Apabila orang yang dituduh itu tidak hadir selepas perintah saman dikeluarkan kepadanya tanpa sebarang dalihan yang dapat diterima,

iii. Apabila pihak tertuduh dikhuatiri melarikan diri, dan

iv. Apabila tertuduh tidak memiliki tempat tinggal yang tetap.

1.10 Menurut Kanun Prosedur Jenayah¹³ dalam seksyen 38(1) memperuntukkan bahawa tiap-tiap waran tangkap yang dikeluarkan oleh Mahkamah mengikut Kanun ini dibuat bertulis dan ditandatangani sebagai yang dinyatakan di dalam Akta Mahkamah Keadilan 1964 atau Akta Mahkamah Rendah 1964 dan hendaklah mempunyai meterai Mahkamah.

Tiap-tiap waran itu akan berkuatkuasa sehingga ia dibatalkan oleh Mahkamah yang mengeluarkan atau sehingga dilaksanakan.¹⁴ Waran itu biasanya di alamatkan kepada Ketua Polis Negara dan juga kepada semua pegawai polis lain dalam Persekutuan, dan mana-mana juga pegawai polis bolehlah menyelesaikan waran itu di mana-mana jua didalam Persekutuan.¹⁵

1.11 Pegawai Polis ataupun orang lain yang menguruskan sesuatu waran tangkap hendaklah memberitahu isi waran itu kepada orang yang ditangkap itu dan jikalau dikehendakki ditunjukkan waran itu ataupun salinannya yang ada tercatat meterai Mahkamah yang mengeluarkan waran itu.¹⁶

Pegawai Polis ataupun orang lain yang menyelesaikan sesuatu waran tangkap hendaklah dengan seberapa segera membawa orang yang ditangkap itu ke Mahkamah di mana ia dikehendakki oleh undang-undang orang itu.

Kesimpulannya, tujuan waran tangkap dikeluarkan oleh Mahkamah ialah untuk menampilkan pihak yang didakwa ke Mahkamah setelah yang didakwa enggan hadir ke Mahkamah pada hari perbicaraan.

1.12 Apabila pihak yang didakwa telah hadir ke Mahkamah setelah waran tangkap dikeluarkan maka Hakim boleh menggunakan hukuman ta^czir yang sesuai dengan keengganannya mengikut perintah Mahkamah kecuali pihak yang didakwa dapat mengemukakan apa-apa dalihan yang boleh di terima oleh Hakim.

1.13 Kadang kala terdapat juga pihak yang didakwa itu terdiri dari kaum wanita. Oleh itu proses untuk menghadirkannya ke Mahkamah untuk menjawab segala dakwaan atau menafikan segala tuntutan yang dikemukakan terhadapnya adalah sama seperti proses menghadirkan pihak yang didakwa yang terdiri dari kaum lelaki, asalkan wanita itu tidak menutup mukanya,¹⁷ jika sebaliknya Hakim hendaklah menghantar salah seorang dari pembantu untuk membuat soal-siasat penafian dakwaan atau tuntutan pihak pendakwa terhadapnya.¹⁸